

# Terlalu awal untuk nilai operasi MH370

KUALA LUMPUR 18 April - Masih terlalu awal untuk meramal misi pencarian pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 yang hilang sejak 8 Mac lalu dengan menggunakan kenderaan dalam air automatik (AUV) Bluefin-21 menemui kegagalan.

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Kamarul Arifin Ahmad berkata, penggunaan kenderaan khas itu merupakan yang terbaik buat masa ini walaupun sehingga kini misi pencarian tidak menemukan sebarang objek yang boleh dikaitkan dengan pesawat MH370.

Beliau berkata, beberapa faktor perlu dilihat secara lebih luas termasuk cuaca, permukaan dasar laut dan kedalamannya sebelum mengklasifikasikan misi pencarian itu gagal dan pendekatan baharu dirancang.

Malah katanya, terlalu awal untuk meletakkan sasaran tempoh operasi pencarian memandangkan misi berkenaan merupakan antara yang tersukar berdasarkan keluasan dan kedalaman Lautan Hindi.

“Penggunaan Bluefin-21 ini pun baru lagi, belum sampai seminggu. Masa sebulan pun belum tentu cukup untuk mencari pesawat dan mungkin mengambil masa sehingga 24 bulan atau lebih.

“Operasi ini bukan sesuatu yang mudah malah lebih sukar apabila tiada lagi penerimaan isyarat daripada kotak hitam. Bagaimanapun usaha itu masih pada landasan yang tepat kerana tumpuan diberikan di kawasan berhampiran isyarat 'ping' yang diterima daripada kotak hitam sebelum jangka hayat baterinya berakhir,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.